

| SENARAI PROJEK / PROGRAM PEMBAHARUAN DAN PENAMBAHBAIKAN BAGI TAHUN 2015-2016 DI BAWAH JABATAN PERDANA MENTERI | | | | | | |
|--|---|--------------|---------------------|---------------------|---|--|
| | Tajuk | Fokus WPA 21 | | | Objektif & Sasaran / KPIs | Keterangan Ringkas |
| | | Dasar | Struktur Organisasi | Pelakuan Organisasi | | |
| JABATAN PERDANA MENTERI | | | | | | |
| 1 | Establishment of Statutory Boards in Brunei Darussalam for New Public Service Model | | ✓ | | 2016 - Currently 16 Statutory bodies 2025 - Target for 26 Statutory bodies 2035 - Target fi 33 Statutoy bodies | Formulating guidelines for establishment of Statutory Bodies, for right sizing the civil service. It is also to streamline services and to indentify the organizations that should be converted to statutory bodies/corporate bodies in order to be more efficient and effective by serving as private or independent entity. |
| JABATAN AUDIT | | | | | | |
| 2 | Penubuhan Jawatankuasa Rancangan Penggantian Jabatan Audit | | ✓ | | OBJEKTIF Penubuhan Jawatankuasa Rancangan Pengaantian Jabatan Audit adalah bagi: <ul style="list-style-type: none"> ● Menilai dan mengenalpasti pegawai-pegawai yang berpotensi dan bekelayakan untuk mengisi jawatan-jawatan kosong di Jabatan Audit ● Mengurangkan jurang kemahiran diantara pegawai yang dikenalpasti dengan kemahiran yang diperlukan untuk jawatan yang lebih kanan ● Membuat pemantauan dan perancangan perkembangan kapasiti bagi pegawai-pegawai yang dikenalpasti mempunyai potensi bagi jawatan-jawatan kosong dan yang akan dikosongkan oleh pegawai-pegawai yang akan bersara ● Mengambil tindakan keatas jawatan-jawatan kosong bagi mencapai visi dan misi Jabatan Audit dan mendokong Wawasan Brunei 2035 | <ul style="list-style-type: none"> ● Jawatankuasa Rancangan Penggantian Jabatan Audit ditubuhkan pada 1 September 2014 dan dipengerusikan oleh Juruaudit Agung dengan mempunyai tiga orang ahli. ● Jawatankuasa Rancangan Penggantian Jabatan Audit bermesyuarat seminggu sekali setiap hari Rabu. |
| 3 | Kumpulan Kerja Cemerlang bertajuk "ELECTRONIC WORKING PAPER TIDAK DIGUNAKAN SEPENUHNYA" | | ✓ | | OBJEKTIF Meningkatkan kecekapan dan keberkesanan proses/prosedur audit. | <ul style="list-style-type: none"> ● Electronic Working Paper (EWP) adalah kertas kerja pengauditan secara elektronik untuk menyediakan, mengumpul dan memasukkan kertas kerja pengauditan berkenaan di peringkat perancangan dan penghasilan laporan secara elektronik oleh ketua pasukan. ● Faedah utama menggunakan EWP ialah untuk pengurusan kertas kerja pengauditan yang lebih bersistematis bagi memudahkan pengurusan dan pasukan Audit untuk merujuk/mereviu secara 'online (real time)'. ● Tujuan adalah mengenalpasti langkah-langkah untuk mempertingkatkan penggunaan Electronic Working Paper (EWP) oleh pasukan-pasukan dan pengurus-pengurus yang melaksanakan pengauditan. Peningkatan penggunaan EWP bukan sahaja dapat memudahkan pasukan merujuk maklumat yang sedia ada bagi persediaan pengauditan seterusnya bahkan juga untuk memudahkan proses mereviu kertas-kertas kerja pengauditan yang akan menjurus ke arah kerja pengauditan yang berkualiti tinggi. |

| | | | | | |
|---|---|--|---|--|---|
| 4 | Kumpulan Kerja Cemerlang bertajuk 'Audit Dalaman Di Kementerian Kerajaan Kurang Aktif' | | ✓ | <p>OBJEKTIF</p> <ul style="list-style-type: none"> Untuk mengenalpasti punca-punca yang menyebabkan Audit Dalaman di Kementerian kurang aktif dalam melaksanakan dan mengeluarkan laporan-laporan Audit Dalaman yang mana kesemua 12 Kementerian sepatutnya aktif melaksanakan Audit Dalaman di Kementerian masing-masing. Pasukan ini berhasrat untuk mencari kaedah-kaedah dan memberi cadangan-cadangan yang efektif bagi memastikan Audit Dalaman di Kementerian aktif dilaksanakan dan objektif perubahan Audit Dalaman di Kementerian dicapai seperti yang digariskan dalam Surat Keliling Jabatan Perdana Menteri tersebut di atas. | <ul style="list-style-type: none"> Unit Audit Dalaman dikehendaki untuk menyediakan laporan setiap tiga bulan dan menghadapannya kepada Setiausaha Tetap Kementerian/Jabatan yang diaudit dan memberikan salinan kepada Juruaudit Agung, Jurukira Agung dan Ketua Jabatan yang diaudit. Laporan ini antara lain digunakan oleh Jabatan Audit sebagai panduan/indikasi bagi membantu mengenalpasti bidang-bidang pengauditan yang akan dijalankan ke atas Kementerian/Jabatan Kerajaan dari aspek risiko, kekerapan pengauditan dan lain-lain, dan melapor kepada Jawatankuasa Audit mana-mana Kementerian/Jabatan Kerajaan yang tidak melaksanakan Audit Dalaman. Bagaimanapun, sehingga kini tidak kesemua salinan laporan laporan Audit Dalaman diterima dari kesemua 12 Kementerian oleh Jabatan Audit. Pada Tahun Kewangan 2013/2014, hanya satu Kementerian telah menghadapkan laporan Audit Dalaman kepada Jabatan Audit, manakala 4 Kementerian telah menghadapkan laporan Audit Dalaman sepanjang Tahun Kewangan 2014/2015. |
| 5 | E-Library | | ✓ | <p>OBJEKTIF</p> <ul style="list-style-type: none"> Objektif penambahbaikan dan menaiktaraf pangkalan data perpustakaan adalah untuk: Mewujudkan struktur yang teratur bagi pangkalan data perpustakaan. Memastikan maklumat-maklumat dalam pangkalan data lengkap dan konsisten. Mengemaskini maklumat-maklumat dalam pangkalan data. Meningkatkan urus tadbir perpustakaan dengan penggunaan teknologi maklumat. Mempermudahkan pencarian bahan-bahan dan cara pemakaian pangkalan data. Mengalakkan penggunaan laporan dan bahan-bahan dalam perpustakaan jabatan oleh semua warga jabatan dan boleh digunakan tanpa sekatkan waktu atau tempat. | Projek E Library ini adalah untuk menambahbaik dan menaiktaraf pangkalan data perpustakaan Jabatan Audit dalam format Microsoft Access |
| PUSAT KEBANGSAAN E-KERAJAAN (EGNC) | | | | | |
| 6 | Development of Strategi Kerajaan Digital 2015-2020 (Digital Govenrment Strategy 2015-2020) | | ✓ | <p>OBJEKTIF</p> <p>Dengan berakhirnya (Pelan Strategi E-Kerajaan 2010-2014 pada tahun 2014, strategi baru (iaitu Strategi Digital Kerajaan 2015-2020) diperlukan untuk merangka hala tujuan e-kerajaan bagi jangkamasa lima (5) tahun akan datang. Semasa merangka strategi berkenaan, bidang tumpuan dan program-program telah diketahui pasti bagi membantu kerajaan mengenal pasti, menggabungkan (jika berkenaan) dan mengutakan projek-projek yang akan dilaksanakan dalam RKN11. Dalam masa yang sama, Jawatankuasa Pandu Strategi Digital Kerajaan telah ditubuhkan dan pengurusan program juga telah dilantik bagi memudahkan pelaksanaan pelan strategi ini.</p> | Strategi Kerajaan Digital 2015-2020 adalah merupakan langkah seterusnya dalam mencapai keupayaan dan pembangunan ICT bagi mendongking Wawasan Negara 2035. Strategi ini mengambil pendekatan terhadap keseluruhan kerajaan (<i>a whole of government approach</i>) ke arah perkhidmatan yang berinovasi melalui transformasi digital agar perkhidmatan e-Kerajaan menjadi lebih mudah cepat dan senang diakses. |
| 7 | <i>The Design, Supply, Delivery, Installation, Migration, Testing Commissioning, Intergration and Maintenance of Government Intranet Platform and other Related Services (EDMS)</i> | | ✓ | <p>OBJEKTIF</p> <ul style="list-style-type: none"> Membina sebuah platform Intranet yang 'Scalable' dan 'Multi Tenancy' Pemindahan Intranet lama Jabatan Perdana Menteri ke Intranet Platform yang baru Membina dan membangunkan sebuah '<i>virtualised farm</i>' untuk melaksanakan perkhidmatan intranet. | Penyediaan platform intranet bagi agensi-agensi kerajaan dimana agensi kerajaan boleh memohon penggunaan perkhidmatan gunasama ini tanpa memperolehi 'Hardware' atau perisian tambahan. Penyediaan Platform Intranet bagi agensi-agensi kerajaan dimana agensi kerajaan boleh memohon penggunaan perkhidmatan gunasama ini tanpa memperolehi 'hardware' atau perisian tambahan. |

| | | | | | |
|--|--|---|---|---|--|
| | Dasar Perlindungan Data (Data Protection Policy) | ✓ | | OBJEKTIF <ul style="list-style-type: none">● Bagi mewujudkan dan menjelaskan dasar pengurusan yang mantap bagi aset data termasuk data peribadi yang ada dalam Kerajaan Negara Brunei Darussalam● Untuk mengawal pengumpulan, penggunaan dan pendedahan data termasuk data peribadi yang dilaksanakan oleh kerajaan dengan cara mengenal pasti hak individu untuk melindungi data peribadi mereka dan keperluan Kerajaan untuk mengumpul menggunakan atau mendedahkan data bagi tujuan yang dianggap oleh orang yang berfikiran waras sebagai wajar dalam keadaan tersebut. | Dasar perlindungan data telah ditubuhkan pada tahun 2014 dan mula diperkenalkan kepada agensi-agensi kerajaan pada bulan April 2015. Dasar ini bermatlamat untuk menjamin keselamatan dan perlindungan semua data dan maklumat terutama sekali maklumat peribadi yang dikumpul, disimpan dan diproses oleh semua agensi kerajaan. Melindungi aset data ini tidak terhad kepada melindungi rekod data elektronik atau kertas semata-mata namun ianya juga merangkumi menangani setiap mereka yang menggunakan data ini, proses yang mereka laksanakan dan kelengkapan fizikal yang digunakan untuk mengakses data tersebut. Dasar ini mencakupi semua bidang untuk memastikan bahawa piawaian kerahsiaan, kualiti dan ketersediaan maklumat adalah terpelihara. |
| JABATAN PERKHIDMATAN PENGURUSAN | | | | | |
| 9 | Anugerah Cemerlang Perkhidmatan Awam (Kemaskini) | | ✓ | OBJEKTIF <ul style="list-style-type: none">● Mengetengahkan usaha-usaha penambahbaikan dan pembaharuan● Mempergiatkan peranan kerajaan sebagai penyedia kemudahan, pemudahcara, pengawalatur dan pelaksana dasar SASARAN / KPI Jumlah Agensi Yang Dianugerahkan : 6 | ACPA 2016 telah membuat pembaharuan seperti berikut:- a. Kriteria dan Ciri-Ciri Penilaian b. Format Penyedian Laporan |
| 10 | Anugerah Pekerja Terbaik (APT) | | ✓ | OBJEKTIF <ul style="list-style-type: none">● Sebagai contoh dan daya penarik kepada pegawai dan kakitangan untuk meningkatkan lagi taraf prestasi dan komitmen;● Meningkatkan komitmen, setiaawan dan sense of belonging pegawai dan kakitangan MSD;● Sebagai asas bagi pemilihan calon terbaik untuk menerima Anugerah Pekerja Cemerlang Perkhidmatan Awam (APCPA); dan● Meningkatkan ketepatan waktu bekerja dan kehadiran. | Anugerah Pekerja Terbaik (APT) diperkenalkan pada tahun 2015 bagi menghargai dan mengiktiraf warga MSD yang menunjukkan komitment serta prestasi kerja yang cemerlang. APT ini juga bertujuan untuk menggalakkan budaya kerja positif dan berdaya saing dalam organisasi. Pelaksanaan anugerah ini adalah seperti berikut: <ol style="list-style-type: none">1. Untuk diadakan setahun sekali;2. Dibahagikan kepada 3 kategori iaitu Kumpulan A (Bhg II), Kumpulan B (Bhg III) dan Kumpulan C (Bhg IV dan V);3. Mempunyai prestasi cemerlang / sangat baik 2 tahun berturut-turut;4. Tidak pernah dikenakan sebarang tindakan tatatertib; dan5. Telah berkhidmat di MSD tidak kurang dari 3 tahun. |
| 11 | Penilaian Keberkesaan Selepas Berkursus (6 bulan selepas kursus) | | ✓ | OBJEKTIF Objektif utama pelaksanaan penilaian keberkesaan selepas kursus ini adalah untuk memantau dan menilai pegawai / kakitangan MSD yang telah berkursus bagi melihat sejauh mana kursus yang dihadiri memberi kesan positif ke atas pelakuan, produktiviti dan kecekapan dalam diri pegawai / kakitangan berkenaan. | Penilaian keberkesaan selepas kursus merupakan satu sistem penilaian yang dibuat oleh setiap ketua unit / bahagian ke atas pegawai serta kakitangan MSD yang telah genap 6 bulan dari tarikh berkursus. Penilaian dibuat oleh ketua unit / bahagian dengan mengisikan Borang MSD/BKEA/BOR/31. Bagi memastikan penilaian dibuat setiap 6 bulan dari tarikh berkursus, Unit Perkembangan Sumber Manusia dan Ehwal Antarabangsa (IAHRD) telah mewujudkan satu data file yang mengandungi tarikh kursus setiap pegawai dan tarikh untuk membuat penilaian, yang mana boleh diakses oleh Unit IAHRD dan ketua-ketua bahagian. |

| | | | | | |
|----|---|--|---|---|--|
| | Program Kompetensi bagi Pegawai-Pegawai di Jabatan Perkhidmatan Pengurusan Bahagian III ke Atas | | | <p>OBJEKTIF</p> <ul style="list-style-type: none"> • Mewujudkan kesinambungan sumber manusia yang berpotensi dan kompeten secara berterusan dalam jawatan yang dipegang masa kini; • Sebagai landasan bagi persediaan di masa akan datang untuk melaksanakan tugas-tugas yang lebih mencabar; • Bagi memastikan peningkatan sumber manusia yang berkualiti dan berpotensi tinggi; • Bagi memastikan kursus yang diberikan adalah betul dengan tugas dan tanggungjawab yang diberikan iaitu "Right Training for the Right Person" mengikut visi, misi dan nilai-nilai utama MSD; • Untuk membuat rancangan-rancangan yang bersistematis dalam membangun keupayaan warga MSD; dan • Sebagai rujukan dan perancangan pengantian pegawai dan kakitangan MSD. | Program Kompetensi merupakan satu proses pemindahan ilmu (knowledge transfer) yang bertujuan untuk menambah pengetahuan dan kemahiran pegawai / kakitangan bagi memenuhi keperluan dan tuntutan semasa MSD. Dengan adanya program kompetensi akan membolehkan MSD mengenalpasti set kompetensi bagi setiap pegawai Bahagian III ke atas dan latihan yang diperlukan bagi merapatkan jurang kompetensi dan meningkatkan kemahiran / bakat pegawai MSD. |
| 12 | Sistem Catitan 100 Jam Latihan Jabatan Perkhidmatan Pengurusan | | ✓ | <p>OBJEKTIF</p> <p>Sistem Catitan 100 Jam Latihan Jabatan Perkhidmatan Pengurusan bertujuan untuk memantau perkembangan latihan pegawai dan kakitangan MSD bagi memastikan setiap pegawai/kakitangan di beri peluang menjalani latihan.</p> | Sistem Catitan 100 Jam Latihan Jabatan Perkhidmatan Pengurusan merupakan satu sistem yang dibuat menggunakan perisian Microsoft Excel yang boleh diakses melalui sharing folder msdfilesrv. Ia digunakan untuk mencatat latihan-latihan yang dihadiri oleh setiap pegawai / kakitangan untuk memastikan setiap pegawai / kakitangan akan dapat memenuhi sekurang-kurangnya 100 jam latihan setahun. |
| 13 | Data Protection Policy Audit | | ✓ | <p>OBJEKTIF</p> <ul style="list-style-type: none"> • Untuk mentadbir pengumpulan, penggunaan dan pendedahan maklumat Kerajaan termasuklah maklumat peribadi. • Untuk melindungi maklumat sulit dan memastikan kualiti dan "confidentiality" maklumat terjaga. • Untuk memastikan dasar kerajaan dalam mengurus maklumat dipatuhi. <p>SASARAN / KPI</p> <ul style="list-style-type: none"> • Peratus data yang mematuhi 11 prinsip/ciri "Data Protection Policy" | Selaku wakil bagi Pusat Kebangsaan E-Kerajaan bagi menjalankan audit dalam mengenal pengurusan dan perlindungan maklumat-maklumat peribadi dan yang berkaitan dengan hal ehwal kerajaan |
| 14 | Penjimatan toner dan kertas | | ✓ | <p>OBJEKTIF</p> <ul style="list-style-type: none"> • Memantau penggunaan dakwat mesin pencetak dan kertas jabatan; • Mengenalpasti cara untuk membantu jabatan dalam berbelanja secara berhemah terutama pembelian dakwat mesin pencetak dan kertas; dan • Mengawal pembekalan dakwat mesin pencetak dan kertas jabatan | Salah satu usaha MSD ke arah penjimatan bekalan kertas dan dakwat mesin pencetak |
| 15 | Kajian Tahap Kepuasan Hati Warga MSD | | ✓ | <p>OBJEKTIF</p> <ul style="list-style-type: none"> • Mengenalpasti tahap kepuasan hati warga MSD dalam tempoh berkhidmat di jabatan ini; • Mengetahui apa jua pandangan atau pendapat semua warga terutama dalam meningkatkan motivasi semasa bekerja; • Mewujudkan persekitaran kerja yang sihat, menggalakkan kerja berpasukan dan semangat kekitan (sense of belonging and engagement); dan • Membantu MSD untuk mewujudkan suasana kondusif di kalangan pegawai dan kakitangan jabatan. | Bermula tahun 2016, Bahagian Korporat dan Ehwal Antarabangsa (BKEA) telah menjalankan kajian tahap kepuasan hati warga MSD untuk menilai sejauhmana kepuasan hati warga dalam menjalankan kerja-kerja di jabatan ini dan untuk mengemukakan solusi jika ada untuk meningkatkan persekitaran kerja yang lebih kondusif. Selain itu, kajian ini adalah untuk memantapkan penyampaian perkhidmatan di kalangan pegawai dan kakitangan jabatan dalam merealisasikan petunjuk prestasi seperti didalam Perancangan Strategik MSD. |

| | | | | |
|--------------------------------------|---|---|---|---|
| | Program Penggredan Prestasi Sektor Awam (3PSA) melalui Penarafan Bintang | ✓ | OBJEKTIF <ul style="list-style-type: none">● Menilai dan mengukur prestasi setiap agensi kerajaan ke arah memastikan penyampaian perkhidmatan yang cemerlang;● Menggalakkan persaingan yang sihat di kalangan agensi kerajaan;● Meningkatkan kesedaran mengenai kepentingan untuk meningkatkan prestasi, kualiti dan produktiviti kerja;● Membantu memberkesankan usaha-usaha pembaharuan dan penambahbaikan dalam Perkhidmatan Awam;● Memberi promosi meluas mengenai dasar, strategi, mekanisme dan amalan terbaik dalam Perkhidmatan Awam;● Memberi penghargaan dan pengiktirafan formal kepada agensi kerajaan. | Program Penggredan Prestasi Sektor Awam (3PSA) melalui Penarafan Bintang merupakan salah satu sistem penilaian yang dihasratkan akan dapat memberikan pengiktirafan / penghargaan kepada kementerian dan jabatan kerajaan yang telah berusaha ke arah peningkatan kecekapan, keberkesanannya, prestasi, produktiviti dan kualiti penyampaian perkhidmatan. Pengiktirafan / penghargaan ini merupakan salah satu ciri penting dalam menggalakkan usaha-usaha penambahbaikan dan pembaharuan yang berterusan dalam Perkhidmatan Awam. Inisiatif ini juga dihasratkan akan dapat memberi dorongan dan motivasi di kalangan agensi kerajaan khasnya dan warga perkhidmatan awam amnya ke arah mencapai matlamat Wawasan Perkhidmatan Awam Abad Ke-21 dan Wawasan Brunei 2035. |
| 17 | Mengukuhkan Strategi Pelaksanaan Wawasan Perkhidmatan Awam Abad Ke-21 (WPA21) | ✓ | OBJEKTIF <ul style="list-style-type: none">● Mendukung hasrat negara: Titah Kebawah Duli Yang Maha Mulia Paduka Seri Baginda Sultan Dan Yang Di-Pertuan Negara Brunei Darussalam sempena pengisytiharan kemerdekaan Negara Brunei Darussalam pada 1 Januari 1984.● Memberikan arah tuju dan fokus serta memperkuuh dan menyatakan usaha-usaha pembaharuan dan penambahbaikan yang telah dan sedang diungkayahkan oleh Perkhidmatan Awam bagi kesejahteraan dan kemakmuran rakyat dan penduduk di Negara Brunei Darussalam.● Dijadikan sumber rujukan dan asas panduan Kementerian / Jabatan bagi apa jua perancangan dan aktiviti yang dilakukan semata-mata bagi melahirkan Perkhidmatan Awam yang cemerlang serta diredhai Allah Subhanahu Wataala.● Dijadikan sebagai landasan (platform) bagi mengiringi usaha-usaha / strategi-strategi bagi mempertingkatkan lagi kemampuan pentadbiran dan pengurusan Perkhidmatan Awam.● Dijadikan sebagai galakan kepada anggota Perkhidmatan Awam untuk melakukan yang terbaik dan meletakkan kepentingan terhadap apa yang mereka lakukan supaya memberikan makna dan pengertian mengenai tugas mereka. | Wawasan Perkhidmatan Awam Abad Ke-21 (WPA21) Negara Brunei Darussalam adalah merupakan salah satu strategi pelaksanaan program menyeluruh di dalam Perkhidmatan Awam yang berterusan dimana program ini telah dilaksanakan oleh Jabatan Perkhidmatan Pengurusan (MSD) sejak Tahun 1990. WPA21 menekankan agar semua kementerian / jabatan untuk melaksanakan pembaharuan / penambahbaikan secara berterusan yang menjurus kepada 3 fokus utama iaitu: Dasar, Struktur Organisasi dan Pelakuan Organisasi. |
| 18 | Rekayasa Prosedur Kerja (Business Process Re-engineering) bagi Jabatan Buruh | ✓ | OBJEKTIF <ul style="list-style-type: none">● Meningkatkan penyampaian perkhidmatan melalui BPR dengan penghapusan peraturan-peraturan yang lapuk dan proses-proses yang bertindih / memendekkan proses bagi menepati masa dan kualiti. SASARAN / KPI 4 perkhidmatan di BPR kan dalam setahun. | <ul style="list-style-type: none">• Reka bentuk semula proses dan prosedur kerja secara radikal bagi meningkatkan kecekapan dan keberkesanannya penyampaian perkhidmatan.• Fokus: perkhidmatan-perkhidmatan yang akan didigitalkan, permohonan yang banyak, tempoh masa yang lama, live event.• Pelaksanaan: merujuk perjumpaan di antara Pemangku Pengarah MSD dan Pemangku EGNC pada 28 Januari 2016. |
| BIRO KAWALAN NARKOTIK | | | | |
| CAWANGAN PENDIDIKAN PENCEGAHAN DADAH | | | | |
| 20 | Program Kesedaran di Tempat Kerja | ✓ | OBJEKTIF <ul style="list-style-type: none">● Meningkatkan kesedaran akan bahaya dadah● Memastikan warga BKN bebas dari dadah● Meningkatkan kesedaran warga BKN akan bahaya dadah● Menjadi platform bagi warga BKN untuk mengongsikan mekanisme dan amalan terbaik yang berkaitan dengan undang-undang Tatacara kerja BKN | Tujuan program ini adalah untuk memberikan perkara-perkara berikut kepada warga Biro Kawalan Narkotik: <ul style="list-style-type: none">● Meningkatkan kesedaran akan bahaya dadah● Kesan penggunaan dadah ke atas warga perkhidmatan awam, tindakan yang akan diambil dan lain-lain● Panduan ibubapa● Statistik terkini mengenai pesalah warga awam yang dijatuhi hukuman disebabkan oleh dadah |

| | | | | | |
|--------------------------------|---|--|---|--|--|
| 21 | Memorandum Kesefahaman diantara Biro Kawalan Narkotik dengan Kementerian Pendidikan (MOU) | | ✓ | <p>OBJEKTIF Membentuk jaring kerjasama antara Biro Kawalan Narkotik dengan Kementerian Pendidikan</p> <p>SASARAN / KPI Menjadi wakil atau ambassador kepada Biro Kawalan Narkotik untuk menyerapkan pendidikan pencegahan dadah kepada:- 1. Penuntut-penuntut sekolah-sekolah rendah dan menengah (kerajaan dan swasta) 2. Mahasiswa dan mahasiswi</p> | Tujuan pembentukan kesefahaman atau perjanjian kerjasama (MOU) ini adalah sebagai satu kesepakatan diantara kedua belah pihak untuk berunding dalam rangka membuat perjanjian atau program yang akan dikendalikan. MOU melalui Cawangan Pendidikan Pencegahan Dadah adalah bertanggungjawab dalam memberikan dan meningkatkan kesedaran kepada penuntut-penuntut di Negara ini tentang bahaya penyalahgunaan dadah melalui aktiviti-aktiviti seperti ceramah anti dadah, pameran, jerayawara anti dadah di sekolah-sekolah, promosi anti dadah dan pengambilan contoh air kencing secara rambang. |
| 22 | Perhubungan dengan sekolah-sekolah swasta | | ✓ | <p>OBJEKTIF Membentuk jaring kerjasama antara Biro Kawalan Narkotik dengan seluruh sekolah dan institusi pengajian Swasta di Negara Brunei Darussalam.</p> <p>SASARAN Menjadi wakil atau ambassador kepada pihak BKN untuk menyerapkan pendidikan pencegahan dadah kepada:- 1. Penuntut-penuntut sekolah rendah dan menengah swasta 2. Mahasiswa dan mahasiswi institusi pengajian swasta</p> | Cawangan Pendidikan Pencegahan Dadah adalah bertanggungjawab dalam memberikan dan meningkatkan kesedaran kepada orang ramai termasuk penuntut-penuntut sekolah, menengah dan tertiar (kerajaan dan swasta) tentang bahaya penyalahgunaan dadah melalui aktiviti-aktiviti seperti ceramah anti dadah, pameran, jerayawara anti dadah di sekolah-sekolah, promosi anti dadah serta pengambilan contoh air kencing secara rambang. Biro Kawalan Narkotik melalui Cawangan Pendidikan Pencegahan Dadah telah membuat perundingan dengan Pengarah Bahagian Sekolah-Sekolah Swasta bagi memastikan semua sekolah-sekolah dan institusi pengajian swasta akan mendapat pendidikan pencegahan dadah. |
| 23 | Program Syumul | | ✓ | <p>OBJEKTIF Objektif utama program ini adalah untuk membangun dan membina belia masa depan yang berwawasan dan berinovasi untuk menyahut cabaran era modenisasi yang terkini. Apa yang diharapkan adalah penuntut tersebut akan dapat melihat nilai diri yang tinggi dalam dirinya dengan menyedari kekuatan dan kelebihan yang ada seperti kemahiran berkomunikasi, kemahiran berfikir dan membuat keputusan yang bijak, mempunyai bakat kepimpinan serta pintar, cerdas dan berkemampuan memahami sesuatu dengan cepat dan tepat.</p> | Program ini adalah mensasarkan penuntut-penuntut yang mempunyai masalah disiplin dan didapati cenderung kepada penyalahgunaan dadah. Cawangan Pendidikan Pencegahan Dadah, Biro Kawalan Narkotik telah mengadakan dan menciptakan satu program yang mengandungi aktiviti yang memberikan motivasi, kemahiran dalam menangani isu sosial dan masyarakat serta komponen kemahiran dalam membuat keputusan. Program ini menggunakan pelbagai cara penyampaian yang interaktif seperti lakonan, kerja berkumpulan, team-building (meningkatkan setia-kawan), talent show dan sebagainya. Selain daripada itu, program ini adalah untuk persiapan diri kepada para penuntut tersebut agar tidak terjebak dengan penyalahgunaan dadah. |
| CAWANGAN PENYELIDIKAN 1 | | | | | |
| 24 | Sistem Informasi Narkotik (SINAR) | | ✓ | <p>OBJEKTIF</p> <ul style="list-style-type: none"> ● meningkatkan keberkesanan strategi pengurangan permintaan dan pembekalan dadah Biro Kawalan Narkotik; ● meningkatkan keberkesanan analisa terhadap maklumat risikan dengan penggunaan perisian 'i2 Analyst Notebook' untuk menghasilkan borang tindakan operasi bagi Unit Gerakan; ● mempercepatkan proses pendakwaan kes-kes dadah; ● meningkatkan keberkesanan skim pengawasan; ● meningkatkan keberkesanan skim pemulihan | SINAR adalah satu projek yang menggunakan platform teknologi maklumat dan perisian terkini bagi membolehkan jabatan untuk melaksana pembaharuan dalam tatacara melaksanakan tugas harian /penambahbaikan secara berterusan bagi mencapai visi dan misi yang telah ditetapkan selaras dengan 3 fokus utama iaitu: Dasar, Struktur Organisasi dan Pelakuan Organisasi. |

| CAWANGAN PENYELIDIKAN 3 | | | | | |
|---------------------------|---|--|---|---|---|
| 25 | Kajiselidik Bagi Pesalah Baru Dan Orang Yang Mengikuti Skim Sukarela Biro Kawalan Narkotik (BKN) Buat Kali Pertama | | ✓ | <p>OBJEKTIF</p> <p>Objektif kajiselidik ini dijalankan adalah untuk mengenalpasti perkara-perkara berikut:</p> <ol style="list-style-type: none"> 1. Latar belakang pesalah pertama dan orang yang mengikuti skim sukarela BKN buat kali pertama (responden); 2. Punca penglibatan dalam penyalahgunaan dadah; dan 3. Tahap pengetahuan responden terhadap bahaya dadah termasuk pengetahuan tentang kesalahan penyalahgunaan di sisi undang-undang. <p>Sasaran KPI: Minimum tiga kaji selidik setahun.</p> | <p>Kajiselidik bagi pesalah baru dan orang yang mengikuti skim sukarela Biro Kawalan Narkotik (BKN) buat kali pertama telah dijalankan oleh Cawangan Penyelidikan dengan kerjasama daripada Cawangan Pelaksana dan Risikan, Cawangan Pengawasan dan Pusat Al-Islah.</p> <p>Kajiselidik ini menumpukan kepada dua kategori sampel iaitu pesalah baru yang terdiri daripada Orang Kena Tangkap (OKT) BKN buat kali pertama atas kesalahan memakan dan memiliki dadah serta memiliki alat-alat perkakas untuk mengambil dadah dan keduanya orang yang mengikuti skim sukarela BKN iaitu terdiri daripada Orang Yang di bawah Pengawasan (OYDP) serta residen Pusat Al-Islah yang menjalani skim Pengawasan dan Rawatan dan Pemulihan secara sukarela. Secara amnya, OKT dan orang yang mengikuti skim sukarela BKN adalah dirujuk sebagai responden.</p> |
| PUSAT AL-ISLAH | | | | | |
| 26 | Penambahbaikan dan peningkatan Perkhidmatan Program rawatan dan pemulihan dadah di Pusat Al-Islah | | ✓ | <p>OBJEKTIF</p> <ol style="list-style-type: none"> 1. Meningkatkan strategi Pengurangan Kehendak (Demand Reduction strategy) melalui program rawatan dan pemulihan yang teratur dan berkesan pada program teras mengikut Fasa, program orientasi, kelas kerohanian, program vokasional, kaunseling, aktiviti kelompok,kelas rawatan dan pendekatan Terapi Kekeluargaan. 2. Meningkatkan kualiti perkhidmatan rawatan dan pemulihan dadah melalui perisian program yang mantap dan teratur agar residen mendapat kesedaran, kefahaman,pengetahuan dan keyakinan diri untuk mengubah kognitif dan tingkah laku kearah mencapai kepuhan sepanjang hayat. 3. Meningkatkan nilai-nilai keprihatinan, pengetahuan dan kemahiran dalam bidang rawatan dan pemulihan dadah dikalangan pegawai dan kakitangan di Pusat Al-Islah kearah memberikan perkhidmatan yang mantap, berkesan dan professional. | Program rawatan dan pemulihan di Pusat Al-Islah telah dianalisa dan di semak semula pada bulan November 2012 untuk mencapai keberkesanan proses rawatan dan pemulihan dadah kearah pengurangan kes berulang (relapse).Program ini menekankan kepada keperluan empat elemen penting dalam keperluan proses rawatan dan pemulihan dadah iaitu : Pendekatan kerohanian, Pendekatan Intelektual dan Psikologi, Kemahiran Vokasional dan kemahiran diri serta pengurusan tingkahlaku. Empat elemen ini telah menyumbang kepada penghasilan empat teras program yang utama mengikut peringkat Fasa agar lebih bersistematis dan teratur dalam keperluan proses rawatan dan pemulihan dadah. |
| JABATAN PERKHIDMATAN AWAM | | | | | |
| 27 | Bengkel Peraturan-Peraturan Am 1961 (GO) dan Peraturan-Peraturan Perkhidmatan dan Peraturan-Peraturan Kewangan (FR) | | ✓ | <p>OBJEKTIF</p> <p>Peserta terdiri dari pengamal-pengamal dari Kementerian / Jabatan menghadiri Bengkel Peraturan-Peraturan Am 1961 (GO) dan Peraturan-Peraturan Perkhidmatan dan Peraturan-Peraturan Kewangan (FR).</p> <p>SASARAN</p> <p>Jumlah kehadiran peserta 85% setiap kali bengkel diadakan.</p> | <ul style="list-style-type: none"> • Memberikan pegawai-pegawai pengalaman pendidikan intensif melalui penggunaan pelbagai kaedah penyampaian mengenai Peraturan-Peraturan Am 1961 (GO) dan Peraturan-Peraturan Perkhidmatan dan Peraturan-Peraturan Kewangan (FR); • Memastikan amalan pengurusan dan pengendalian pentadbiran dan kewangan di Kementerian atau Jabatan adalah menurut peraturan-peraturan yang telah ditetapkan. |
| 28 | Analisa impak program-program di bawah perlaksanaan Bahagian Perkhidmatan Kaunseling | | ✓ | <p>OBJEKTIF</p> <p>Usaha bagi memastikan program-program yang dilaksanakan memenuhi matlamat program – program diperkenalkan. Bahagian Perkhidmatan Kaunseling, Jabatan Perkhidmatan Awam pada masa ini membuat penelitian yang menyeluruh dan terperinci bagi menilai keberkesanan setiap program berdasarkan kajiselidik serta menjurus kepada bajet yang diperuntukkan dan impaknya ke atas peserta-peserta program.</p> | <p>Meneliti dan menggubal Program-Program yang telah dijalankan:</p> <ol style="list-style-type: none"> i. Al-insyirah ii. Dokongan iii. Rakan Musaaid iv. Kem Kepimpinan Alamiah (KEKAL) |

| | | | | | |
|------------------------------------|---|---|--|--|---|
| 29 | Surat Pemberitahuan Jabatan Perkhidmatan Awam bagi Anugerah Skim Latihan Dalam Perkhidmatan Dalam Negeri dan Seberang Laut bagi sesi Akademik 2016/2017 | ✓ | | <p>OBJEKTIF</p> <p>Bagi memberiarkan serta memudahkan penilaian dan sokongan setiap Jawatankuasa Perkembangan Sumber Tenaga Manusia (IPTSM) dari Kementerian masing-masing dengan memenuhi syarat dan peraturan yang diariskan disamping memenuhi keperluan strategik setiap jabatan dan kementerian.</p> | Mengemaskini surat pemberitahuan mengenai penghantaran pegawai dan kakitangan untuk mengikuti latihan dalam negeri dan seberang laut. |
| JABATAN PENYELIDIKAN BRUNEI | | | | | |
| 30 | Human Resource Framework / Rangka Kerja Sumber Tenaga Manusia | ✓ | | <p>OBJEKTIF</p> <ul style="list-style-type: none"> ● Perkembangan Kepimpinan ● Analisis dan Perkembangan Organisasi ● Pengurusan dan Penyeliaan | Rangka kerja Sumber Tenaga Manusia berlandaskan "Strategic, People-Centred Approach" |